

19 MAY 2002

MALAYSIA SAMBUT BAIK KEMERDEKAAN TIMOR TIMUR - DR MAHATHIR

SHAH ALAM, 19 Mei (Bernama) -- Malaysia menyambut baik kemerdekaan Timor Timur, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Malaysia turut gembira bagi Timor Timur dan mendoakan semoga negara itu menikmati kejayaan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MIC Ke-56 MIC di sini.

"Kita turut gembira dengan Timor Timur yang menyambut kemerdekaannya esok," katanya.

Dr Mahathir kesal kerana beliau tidak dapat menghadiri upacara sambutan kemerdekaan Timor Timur kerana beliau akan berlepas ke Jepun esok.

Beliau berkata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar akan mewakili Malaysia ke upacara sambutan kemerdekaan Timor Timur yang akan disambut di ibu negeranya, Dili.

Ditanya sama ada Timor Timur akan menyertai Asean, Dr Mahathir berkata, "Malaysia mengalu-alukan Timor Timur ke dalam Asean."

Timor Timur akan menjadi sebuah negara merdeka tepat pukul 12 tengah malam esok.

Selain Malaysia, Asean dianggotai Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand, Filipina, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos.

-- BERNAMA

RIZ AKT RHM